



**JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS)
KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**

**TAWARAN MENGIKUTI KURSUS SIJIL PENDIDIKAN AWAL
KANAK-KANAK (TABIKA/TASKA) TAHUN 2024**

Warganegara Malaysia yang berkelayakan adalah dipelawa untuk memohon mengikuti Kursus Sijil Pendidikan Awal Kanak-kanak (TABIKA/TASKA) Tahun 2024

1. SYARAT-SYARAT:

1.1 Calon hendaklah **memiliki kelayakan** seperti berikut:

- (i) Warganegara Malaysia;
- (ii) Berumur 21 tahun ke atas dan tidak melebihi 35 tahun pada tarikh tutup iklan;
- (iii) **Diploma akademik dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-Kanak yang diiktiraf** oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan; **dan**
- (iv) **Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu** pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

1.2 Terbuka kepada : i) Jurusan TABIKA (calon lelaki atau perempuan)
ii) Jurusan TASKA (calon perempuan sahaja)

1.3 **Telah menamatkan pengajian** dan mempunyai skrol diploma serta transkrip (**telah selesai majlis konvokesyen**).

1.4 Mempunyai kesihatan yang baik dan tidak menghidap penyakit yang kronik.

1.5 Tidak berkhidmat sebagai kakitangan lantikan tetap atau kontrak (*contract of service*) dalam perkhidmatan awam.

1.6 Aktif dalam aktiviti kemasyarakatan atau sukan.

2. MAKLUMAT ASAS KURSUS:

- 2.1 Tempat : Institut/Pusat Latihan KEMAS
- 2.2 Tempoh : Tiga (3) bulan atau tertakluk kepada perubahan yang ditetapkan oleh Jabatan
- 2.3 **Kursus ini bukanlah satu jaminan** kepada calon untuk dilantik sebagai kakitangan kontrak (*contract of service*) KEMAS. **Sekiranya dilantik, calon akan ditempatkan mengikut keperluan dan kekosongan di seluruh negeri.**

3. CARA MEMOHON:

- 3.1 Permohonan hendaklah dibuat secara dalam talian di **(kis.kemas.gov.my)** mulai **3 November 2023 (Jumaat)**.
- 3.2 Pemohon hanya boleh memohon satu jurusan sahaja.
- 3.3 Permohonan yang lewat diterima atau tidak mengikut syarat yang dinyatakan akan ditolak.
- 3.4 Hanya permohonan yang dibuat secara dalam talian sahaja yang akan diproses.

4. TARIKH TUTUP PERMOHONAN:

17 November 2023 (Jumaat)

5. PANGGILAN TEMUDUGA:

- 5.1 Hanya calon yang layak sahaja akan dipanggil untuk sesi temuduga.
- 5.2 Calon yang tidak dihubungi selepas dua (2) bulan daripada tarikh tutup iklan dianggap **tidak berjaya**. Surat pemberitahuan tidak akan dikeluarkan oleh Jabatan.